

## BAHAGIAN A


[ 75 markah ]

Jawab **tiga** soalan sahaja.

- 1 a) Gambar di bawah berkaitan dengan keperluan fisiologi.




Gambar 1



Gambar 2

- i) Nyatakan **dua** keperluan tersebut. [ 2 markah ]  
 ii) Jelaskan keperluan fisiologi di 1 (a)(i). [ 3 markah ]

- b) Maklumat berikut adalah berkaitan dengan cabang perusahaan.



Huraikan **X** dan **Y**. [ 6 markah ]

- c) Situasi berikut berkaitan dengan Encik Rosmi.

Encik Rosmi pesara tentera mempunyai sebidang tanah ditepi Sungai Pahang. Dengan bantuan lima orang pekerja beliau mengusahakan empat blok bangunan sarang burung walid.

Terangkan faktor pengeluaran yang terlibat dalam perniagaan Encik Rosmi.

[ 8 markah ]

- d) Gambar 3 menunjukkan dua orang yang ingin menjalankan urusan sistem barter.



Gambar 3


- i) Apakah syarat lain yang mesti dipenuhi sebelum melaksanakan sistem tersebut? [ 1 markah ]
- ii) Nyatakan kelemahan dalam sistem tersebut. [ 5 markah ]

- 2 a) Situasi di bawah berkaitan dengan bantuan perniagaan.

<b>Situasi I</b>	Proton Edar perlu menghantar tempahan 1000 buah kereta Suprima ke Indonesia.
<b>Situasi II</b>	Encik Solleh mengusahakan tanaman padi secara komersial. Beliau memerlukan bantuan kewangan untuk mendapatkan jentera pembajak yang baru.
<b>Situasi III</b>	Puan Hayati seorang pengusaha makanan sejuk beku. Produknya dihasilkan dalam kuantiti yang banyak dan perlu disimpan ditempat yang sesuai sementara menunggu diedarkan.

Berdasarkan situasi di atas, terangkan bantuan perniagaan yang terlibat. [ 6 markah ]

- b) Gambar berikut menunjukkan sejenis barang teknikal yang menggunakan saluran agihan.



- Nyatakan saluran agihan tersebut. Kemukakan alasan. [4 markah ]
- c) Nyatakan fungsi perniagaan runcit dalam saluran agihan. [ 6 markah ]
- d) Maklumat berikut menunjukkan butir pembelian dan pinjaman kereta Encik Alex.

Harga kereta : RM 70 000
Bayaran pendahuluan : 10 % dari harga kereta
Tempoh pinjaman : 5 tahun
Kadar Faedah Setahun : 5 %

- Hitung ansuran bulanan yang perlu dijelaskan oleh Encik Alex. [ 5 markah ]
- 3 a) Terangkan **empat** perbezaan antara perniagaan dalam negeri dan perniagaan antarabangsa [8 markah]
- b) Jelaskan fungsi Bil Muatan dalam perniagaan antarabangsa. [6 markah]

- c) Maklumat berikut berkaitan seorang pemilik kedai buku.

Encik Lukman merupakan pemilik kedai buku di Bandar Kuantan. Kedainya sering dikunjungi kerana banyak menjual buku-buku keluaran baru. Walau bagaimanapun, beliau sering merungut kerana sukar mencari buku-buku kerana terdapat banyak longgokan buku di atas lantai dan buku bercampur aduk di atas rak dalam stor.

Jelaskan bagaimana Encik Lukman boleh menyelesaikan masalah di atas dari aspek pengurusan stok. [5 markah]

- d) Dialog berikut berkaitan dengan sejenis pelaburan.

Mat : Saya dengar banyak pulangan yang kita akan dapat jika membeli saham.  
Noraini : Betul..tidak rugi awak melabur dalam saham.

Terangkan **tiga** pulangan pelaburan yang dimaksudkan oleh Encik Mat.


[6 markah]

- 4 a) Maklumat berikut berkaitan dengan seorang usahawan.

Encik Zamri perlu membayar RM 15 000 kepada pembekal Syarikat Kayu Mewah dengan segera tetapi beliau hanya mempunyai baki akaun semasa sebanyak RM 10 000 di Bank SMJ Berhad. Bank SMJ Berhad membenarkan Encik Zamri mengeluarkan cek RM 10 000.

Jelaskan jenis pembiayaan yang disediakan oleh Bank SMJ Berhad. [ 5 markah ]

- b) Gambar berikut berkaitan dengan jenis-jenis risiko.



Risiko X




Risiko Y

Terangkan jenis risiko X dan risiko Y tersebut.

[ 6 markah ]

- c) Rajah di bawah menunjukkan jenis pengangkutan laut.



- i) Nyatakan jenis kapal X dan Kapal Y

[ 2 markah ]

- ii) Terangkan **tiga** perbezaan di antara Kapal X dan Kapal Y.

[ 8 markah ]

- d) Terangkan **tiga** tugas Lembaga Pelabuhan.

[ 6 markah ]

- 5 a) Nyatakan dan jelaskan perkhidmatan yang sesuai digunakan bagi tiap-tiap situasi di bawah.
- i) Pengurus jualan Syarikat Xpert perlu menghantar salinan carta hasil jualan dengan segera ke ibu pejabat serta cawangan di Melaka. [ 3 markah ]
  - ii) Pengurus Syarikat Asdi Sdn Bhd yang berada di Kuantan terpaksa mengadakan mesyuarat tergempar dengan Ahli Lembaga Pengarah di Kuala Lumpur. [ 3 markah ]
- b) Gambar berikut menunjukkan perbualan diantara dua individu.



Selain faktor di atas, terangkan **tiga** faktor lain dalam pemilihan media pengiklanan. [ 6 markah ]

- c) Jelaskan pelepasan cukai berikut:
- i. Taraf perintis [ 3 markah ]
  - ii. Potongan cukai [ 3 markah ]

- d) Dialog berikut menunjukkan perbualan antara Fakhira dengan Kamalia.

Fakhira : Jom kita ke Parkson!

Kamalia : Tak nak lah saya tak ada apa keperluan yang hendak dibeli.

Fakhira : Alah...kita pergi tengok-tengok aje.

Kamalia : Saya nak ke pameran buku di tingkat 1. Nak beli buku rujukan. Di sana ada banyak keluaran. Boleh bandingkan harga.

Fakhira : Betul juga. Mesti ada potongan harga

Adakah Kamalia seorang pembeli yang bijak?. Kemukakan enam alasan.

[ 7 markah ]

**BAHAGIAN B**

**Arahan:** *Jawab soalan di bawah.*

- 6 MAZA Sdn Bhd merupakan syarikat yang baru ditubuhkan di Cameron Highlands yang mempunyai 40 orang pekerja di samping bantuan sanak saudara yang rapat. Syarikat ini mempunyai lima buah lori dan tujuh van yang direka khusus untuk menghantar pelbagai jenis bunga ke seluruh negara yang dihasilkan dari ladang sendiri dan juga bekalan dari pekebun tempatan. Pada peringkat awal perniagaanya, sambutan amat tidak menggalakkan kerana terpaksa bersaing dengan syarikat lain yang lebih besar dan mempunyai pasaran yang tetap.

Dengan bantuan seorang rakan dari Singapura MAZA Sdn Bhd telah mendapat tempahan kontrak untuk tempoh 2014 dan akan diperbaharui sekiranya bekalan dapat dipenuhi berdasarkan syarat-syarat perjanjian yang dipersetujui bersama. MAZA Sdn Bhd menyedari kualiti bunganya masih belum memenuhi piawaian antarabangsa, di samping masalah modal dan masalah pengurusan. Permintaan yang bertambah memerlukan beliau menyediakan tempat untuk melakukan kerja-kerja akhir dan tempat simpanan yang mampu mengekalkan kesegaran bunga-bunga tersebut.

Hasil perbincangan dengan Pegawai Pertanian di Tanah Rata, beliau telah mengambil keputusan untuk meminta bantuan dan nasihat daripada agensi kerajaan yang berkaitan untuk mempromosikan dan memasarkan produknya di peringkat tempatan tanpa mengabaikan peluang pemasaran di peringkat antarabangsa.



Berdasarkan situasi di atas jawab soalan berikut;

- a) Adakah Syarikat MAZA Sdn Bhd berstatus Industri Kecil dan Sederhana (IKS)  
[1 markah]
- b) Terangkan **tiga** masalah yang sedang dihadapi oleh syarikat MAZA Sdn Bhd.  
[6 markah]
- c) Jelaskan **tiga** campuran pemasaran untuk membantu syarikat MAZA Sdn Bhd bersaing di pasaran tempatan.  
[6 markah]
- d) Cadangkan tempat penginapan yang bersesuaian untuk syarikat MAZA Sdn Bhd menyimpan produknya sebelum dijual. Kemukakan alasan.  
[6 Markah]
- e) Cadangkan **dua** agensi kerajaan yang dapat membantu syarikat MAZA Sdn Bhd menyelesaikan masalah promosi dan pemasarannya.  
[6markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**